

Ruj. Kami : KVPC/KOOPKVPC/LAWATAN2023 (01)  
Tarikh : 24 Ogos 2023

Yang dihormati,  
Ibubapa/Penjaga  
ALK Pelajar Koperasi Kolej Vokasional Pengkalan Chepa Bhd.

**Assalamualaikum wbt,**

Tuan / Puan,

**LAWATAN INDUSTRI KE PULAU LANGKAWI**

Merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa anak jagaan tuan/puan telah terpilih untuk menyertai lawatan tersebut pada ketetapan berikut :-

Nama : Lawatan Industri ke Pulau Langkawi  
Tarikh : 07 September 2023 hingga 09 September 2023  
Tarikh Bertolak : 07 September 2023  
Tempat : Pulau Langkawi, Kedah  
Jumlah Peserta : 15 orang ALK Pelajar dan 6 orang ALK Guru

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami memohon kebenaran pihak tuan/puan untuk membenarkan anak jagaan tuan/puan mengikuti lawatan tersebut. Pihak kami amat berbesar hati dengan penyertaan anak jagaan tuan/puan serta akan mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya untuk memastikan keselamatan dan kebajikan anak jagaan tuan/puan sepanjang tempoh program berlangsung.

4. Bersama-sama ini disertakan borang kebenaran untuk tindakan pihak tuan/puan dan diminta peserta lawatan menyerahkan kembali borang yang telah dilengkapi kepada pensyarah yang dipertanggungjawabkan.

5. Perhatian dan tindakan pihak tuan/puan dalam menjayakan program ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**MALAYSIA MADANI.**  
**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA.**

**MAHERAN BINTI HASSAN**  
Setiausaha Koperasi KVPC Bhd.  
Kolej Vokasional Pengkalan Chepa  
16100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

---

**SURAT KEBENARAN IBU BAPA / PENJAGA**

Ruj. Kami : KVPC/KOOPKVPC/LAWATAN2023 (01)  
Tarikh :

**Kepada :**

Pengarah,  
Kolej Vokasional Pengkalan Chepa  
16100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

Tuan,

**LAWATAN INDUSTRI KE PULAU LANGKAWI, KEDAH**

Merujuk kepada perkara di atas.

(a) Saya ..... dari Kelas ..... telah dimaklumkan oleh pihak Kolej tentang peraturan-peraturan dan langkah-langkah keselamatan semasa program dalam sesi taklimat yang telah diadakan.

(b) Saya memahami dan bersedia mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan bagi menjamin keselamatan semasa Program Lawatan Industri ke Pulau Langkawi, Kedah yang akan diadakan pada 07 September 2023 hingga 09 September 2023.

(c) Adalah dimaklumkan bahawa saya .....

No Kad Pengenalan : ..... merupakan ibu bapa / penjaga\* kepada ..... Kursus : ..... membenarkan / tidak membenarkan\* anak jagaan saya untuk mengikuti lawatan tersebut.

(d) Sehubungan dengan itu, saya amat berbesar hati dengan pemilihan anak jagaan saya serta faham bahawa pihak sekolah sentiasa berusaha mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya untuk memastikan keselamatan dan kebajikan anak jagaan saya sepanjang tempoh lawatan berlangsung.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....  
( IBU BAPA / PENJAGA )

Nama : .....

No Kad Pengenalan : .....

No Telefon (untuk kecemasan) : .....

\* Nota : sila potong yang tidak berkenaan.